



20 FEB, 2026

FAMA belanja RM150k bantu atasi kejatuhan harga tembikai

Harian Metro, Malaysia

FAMA belanja RM150k bantu atasi kejatuhan harga tembikai

Marang: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membelanjakan sebanyak RM150,000 membantu menyelesaikan masalah kejatuhan harga dan lambakan tembikai dihadapi petani.

Pengarah FAMA Terengganu, Muhamad Fadlee Hassan berkata, sebanyak 150,000 tan metrik tembikai berwarna merah tanpa biji gred AA dan A sudah dibeli daripada pengusaha,

terutama peserta ladang kontrak di daerah Marang.

"Kita menawarkan harga pembelian tembikai merah tanpa biji daripada petani pada harga lantai iaitu RM0.85 sen sekilogram (kg).

"FAMA turut menambah harga belian sebanyak RM0.20 setiap sekilogram jika pengusaha tanaman berkenaan adalah peserta Skim Persijilan Amalan Pertanian Baik (MyGAP)," katanya, semalam.

Muhamad Fadlee berkata, setakat ini semua pengusaha tanaman tembikai terutama membabitkan peserta ladang kontrak FAMA memiliki sijil MyGAP dikeluarkan Jabatan Pertanian.

Terdahulu, Pengurus Pusat Operasi FAMA Chendering, Zulfadhli Ismail dan Pembantu Ehwal Ekonomi FAMA, Muhamad Taufid Zakaria menyantuni petani tanaman tembikai di Taman Kekal Pengelua-

ran Makanan (TKPM) di Serating, Marang.

Mengulas lanjut, Muhamad Fadlee berkata, tembikai yang dibeli daripada petani terutama membabitkan peserta ladang kontrak dihantar ke 40 Pusat Operasi FAMA di seluruh negara, untuk dipasarkan oleh usahawan tani.

Ketika mengulas dakwaan berlakunya kejatuhan harga tembikai, Muhamad Fadlee berkata, berdasar-

kan laporan hasil peman-tauan mendapati terdapat pemborong yang terpaksa melelong tembikai berikutan bekalan berlebihan.

Katanya, pemantauan mendapati tembikai yang dilelong adalah gred B, C dan D.

"Tembikai yang dilelong pada harga rendah oleh pemborong bukan daripada pengusaha di Terengganu, sebaliknya datang dari luar negeri ini," katanya.

Muhamad Fadlee mene-gaskan, setakat ini FAMA menetapkan harga lantai RM0.85 sen dan tambahan RM0.20 sekilogram peserta yang memiliki sijil MyGAP.

"Penetapan harga lantai dilakukan FAMA bagi membantu kestabilan harga sehingga menyebabkan pengusaha menanggung kerugian selain mengelak daripada berlaku lambakan," katanya.



20 FEB, 2026

FAMA belanja RM150k bantu atasi kejatuhan harga tembikai

Harian Metro, Malaysia

SUMMARIES

Marang: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membelanjakan sebanyak RM150,000 membantu menyelesaikan masalah kejatuhan harga dan lambakan tembikai dihadapi petani. Pengarah FAMA Terengganu, Muhamad Fadlee Hassan berkata, sebanyak 150,000 tan metrik tembikai berwarna merah tanpa biji gred AA dan A sudah dibeli daripada pengusaha, terutama peserta ladang kontrak di daerah Marang. “Kita menawarkan harga pembelian tembikai merah tanpa biji daripada petani pada harga lantai iaitu RM0.85 sen sekilogram (kg). “FAMA turut menambah harga belian sebanyak RM0.